

DIKEMASKINI
2025

Menghadapi Proses Mahkamah

Panduan untuk Memahami Proses Keadilan Jenayah



Diterbitkan Oleh:

Pusat Kesedaran Wanita (Women's Centre for Change)
241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang, Malaysia.

Tel: +604 228 0342

WhatsApp: +6011-3108 4001

Laman web: www.wccpenang.org

     WCC Penang

ISBN 978-967-16908-8-8

Edisi Pertama, 2013

Edisi Kedua, 2019

Edisi Ketiga, 2025

Penulis

Melissa Mohd Akhir, Prema Devaraj, Loh Cheng Kooi, & Hasanah A. Akhir

Diterjemah dan dikemaskini pada 2025 oleh

Hastiny Subramaniam, Salma Farhanah A. Rasid, Loh Cheng Kooi & Karen Lai

Illustrator

Jian Goh Kheng Swee, Akiraceo Studio

Reka bentuk dan susun atur

Liz Tan, C-Square Sdn Bhd

Cetakan

Phoenix Printers Sdn Bhd

Hak Cipta Terpelihara

Buku panduan ini boleh dibuat salinan, dihasilkan semula atau diubahsuai untuk memenuhi keperluan individu atau kumpulan dengan syarat bahawa untuk bahagian yang dihasilkan semula, pengiktirafan diberi kepada Women's Centre for Change, Penang.

Hakcipta © 2013, Women's Centre for Change, Penang

Siri video "Menghadapi Proses Mahkamah" boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Cina and Tamil di laman web WCC: wccpenang.org

Kandungan

PRAKATA	2
PENGENALAN	3
SEKSYEN A: PROSES KEADILAN JENAYAH	5
MEMBUAT LAPORAN, PROSES SIASATAN, PERTUDUHAN	
Melaporkan Suatu Jenayah dan Siasatan Polis	
Pertuduhan terhadap Suspek	
PERBICARAAN	10
Persediaan untuk Perbicaraan	
Pengenalan kepada Susun Atur Bilik Mahkamah	
Proses Perbicaraan	
<i>Peringkat Pendakwaan</i>	
<i>Peringkat Pembelaan</i>	
<i>Hujahan</i>	
<i>Keputusan</i>	
<i>Rayuan</i>	
SEKSYEN B: MENJADI SAKSI DI MAHKAMAH	21
PERSEDIAAN SEBELUM PERBICARAAN MAHKAMAH	
Taklimat Pra-Perbicaraan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR)	
Hak-Hak Seorang Saksi di Mahkamah	
MEMBERI KETERANGAN	25
Hadir sebagai Saksi di Mahkamah	
Panduan-panduan yang Berguna	
Maklumat Berguna	
KEMUDAHAN DI DALAM BANGUNAN MAHKAMAH	29
PESANAN KEPADA MANGSA DAN KELUARGA MANGSA	31
LAMPIRAN	32
Glosari	
Undang-undang bagi Kesalahan Keganasan Rumah Tangga & Seksual	
Pernyataan Impak Mangsa	
Jenis-jenis Mahkamah	
Perbezaan di antara Kes Jenayah dan Kes Sivil	
Nombor Telefon Berguna untuk Dihubungi	
Lokasi Mahkamah di Pulau Pinang	

PRAKATA

Pada tahun 2005, Pusat Kesedaran Wanita (Women's Centre for Change) telah menjalankan satu kajian berkenaan jenayah seksual dan perbicaraan jenayah tersebut. Sebuah buku bertajuk *Seeking Justice for Victims of Sexual Crime*¹ telah diterbitkan hasil daripada kajian tersebut.

Dapatan utama kajian tersebut adalah sejumlah besar kes telah berkeputusan "dilepaskan tanpa dibebaskan" (DNAA), yang seringkali kerana kegagalan mangsa mengikuti sepenuhnya proses perbicaraan di mahkamah. Antara punca keadaan ini adalah kerumitan proses mahkamah itu sendiri, di samping kurangnya sokongan yang diberi kepada mangsa dan keluarga mangsa. Kebanyakan mangsa akhirnya hilang peluang untuk mendapatkan keadilan dan pelaku tidak dihukum ke atas jenayahnya.

Pada tahun 2008, WCC telah mula bekerjasama dengan Pusat Krisis Bersepadu (One Stop Crisis Centre, OSCC) di hospital kerajaan Pulau Pinang. Kini, kami bekerjasama dengan kesemua enam OSCC di Pulau Pinang. Peranan kami adalah untuk memberi sokongan emosi kepada mangsa keganasan rumah tangga dan seksual. Melalui perkhidmatan ini, didapati kebanyakan mangsa dan keluarga mangsa kurang faham tentang proses siasatan jenayah dan perbicaraan di mahkamah. Ini menjadikan mereka berasa risau tentang perkembangan kes.

Justeru, WCC menerbit buku panduan ini untuk membantu mangsa-mangsa dan saksi lain agar mereka lebih memahami proses siasatan jenayah dan perbicaraan di mahkamah. Melalui buku panduan ini, WCC berharap agar mangsa dan keluarga mangsa lebih memahami proses keadilan jenayah dan bersedia untuk mendapatkan keadilan.

Sejak tahun 2015, WCC, sebagai sebahagian daripada *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)*, telah melobi untuk pelbagai pembaharuan undang-undang bagi meningkatkan perlindungan mangsa. Pembaharuan utama yang telah kami usahakan termasuk:

- Pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah
- Pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan pindaannya
- Garis Panduan Khas Untuk Mengendalikan Kes Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak Di Malaysia
- Pindaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

Buku panduan yang dikemas kini ini ditujukan kepada semua mangsa jenayah yang telah berani tampil ke hadapan untuk melaporkan jenayah dengan harapan keadilan ditegakkan.

WCC berterima kasih kepada Canada Fund for Local Initiatives (CFLI) atas tajaan mereka.

Kumpulan Perkhidmatan Sokongan Mangsa WCC 2025

Lalitha Menon, Prema Devaraj, Melissa Mohd Akhir, Chang Mei Leng, Ahmad Munawir Abdul Aziz, Loh Cheng Kooi, Karen Lai & Hastiny Subramaniam

1. Women's Centre for Change (2009), *Seeking Justice for Victims of Sexual Crime*, Penang, Malaysia.

PENGENALAN

Apabila mangsa jenayah membuat laporan polis, tindakan boleh diambil terhadap pelaku. Laporan ini memulakan proses mendapatkan keadilan melalui sistem keadilan jenayah. Walau bagaimanapun, proses membuat laporan polis, memberi kenyataan untuk siasatan dan menjadi saksi dalam perbicaraan mahkamah jenayah² boleh menakutkan kerana seseorang itu tidak pasti apa yang diharapkan atau hasil daripada proses tersebut.

Seorang mangsa perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi untuk memberi keterangan. Ramai mangsa/saksi yang hadir ke mahkamah berasa cemas dan bimbang kerana perlu berhadapan dengan pelaku mereka. Kerisauan ini bertambah terutamanya apabila mangsa perlu menceritakan semula tentang pengalaman jenayah yang berlaku semasa proses memberi keterangan.

Mangsa/saksi juga seringkali kurang memahami proses mahkamah jenayah. Proses mahkamah, yang sepatutnya bertujuan untuk memberikan keadilan kepada mangsa jenayah, boleh menjadi satu lagi pengalaman yang menyakitkan jika mangsa tidak bersedia dan takut dengannya.

Buku panduan ini adalah untuk membantu mangsa³ jenayah memahami proses mahkamah supaya mereka lebih bermaklumat dan lebih bersedia. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian:

- **Bahagian A: Proses Keadilan Jenayah** menerangkan apa yang berlaku dari masa mangsa melaporkan jenayah dan prosedur yang mengikutinya, sehingga perbicaraan mahkamah;
- **Bahagian B: Menjadi Saksi Di Mahkamah** menerangkan hak mangsa di mahkamah, perkara penting dalam memberi keterangan dan panduan berguna untuk menghadiri mahkamah; dan
- **Lampiran** memberikan glosari istilah undang-undang, undang-undang yang berkaitan, nombor telefon berguna dan lokasi mahkamah.



2. Perbezaan di antara kes sivil dan kes jenayah diterangkan di Lampiran (muka surat 45)

3. WCC prihatin bahawa sebahagian besar dari keseluruhan mangsa jenayah seksual dan keganasan rumah tangga adalah wanita dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, buku panduan ini bertujuan mengutamakan perspektif wanita dan kanak-kanak terhadap proses siasatan dan perbicaraan di mahkamah.



SEKSYEN A: PROSES KEADILAN JENAYAH

MEMBUAT LAPORAN, PROSES SIASATAN, DAN PERTUDUHAN

Melaporkan Suatu Jenayah dan Siasatan Polis

Perjalanan ke arah mendapatkan keadilan bermula dengan membuat laporan polis. Apabila berlakunya jenayah, mangsa atau ahli keluarganya, atau seorang doktor atau guru akan membuat laporan polis di balai polis. Orang yang membuat laporan dikenali sebagai **pengadu** dan orang yang didakwa melakukan jenayah tersebut dikenali sebagai **suspek**.

Setelah laporan dibuat, seorang Pegawai Penyiasat polis (*Investigating Officer, IO*) akan dilantik untuk menyiasat jenayah tersebut. Mangsa selalunya akan diminta oleh IO untuk pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang berdekatan di mana jenayah tersebut didakwa berlaku untuk memberi keterangan terperinci mengenai kejadian tersebut. Mangsa yang masih kanak-kanak mungkin akan dibawa ke Pusat Temu Bual Kanak-Kanak (*Child Interview Centre, CIC*) untuk merakamkan keterangan mengenai kejadian tersebut.

Polis boleh menahan reman suspek di lokap untuk beberapa hari sehingga maksimum 14 hari semasa menyiasat aduan tersebut. Polis juga boleh membebaskan suspek dengan jaminan polis⁴.

IO juga akan menemu bual saksi-saksi lain untuk mengambil keterangan terperinci mereka mengenai jenayah tersebut. Jika jenayah itu adalah keganasan seksual atau keganasan rumah tangga, IO akan merujuk mangsa ke Pusat Krisis Bersepadu (*One Stop Crisis Centre, OSCC*) di Jabatan Kecemasan hospital kerajaan untuk pemeriksaan perubatan bagi memastikan mangsa mendapat rawatan perubatan yang sewajarnya dan untuk mengumpul bukti jenayah.

Pengumpulan bukti oleh IO mungkin mengambil masa berminggu-minggu dan kadangkala berbulan-bulan. Ia melibatkan temu bual dengan mangsa dan saksi-saksi lain, mengumpul bukti fizikal, melawat tempat kejadian dan mendapatkan laporan serta keterangan dari pelbagai pakar seperti pengamal perubatan.

4. Jaminan polis (yang biasanya dikenali sebagai "jamin mulut") adalah pembebasan sementara seseorang yang ditahan, tanpa sebarang pembayaran, di bawah syarat-syarat tertentu sementara menunggu penyiasatan lanjut atau prosiding mahkamah.

Pertuduhan terhadap Suspek

Apabila siasatan telah selesai, IO akan mengumpul bukti yang dinyatakan di dalam satu kertas siasatan (*Investigation paper* - IP) yang mengandungi cadangan sama ada suspek patut didakwa ataupun tidak. Kertas siasatan ini kemudian akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR). TPR adalah peguam kerajaan yang mengendalikan kes jenayah, yang bertugas memutuskan sama ada bukti yang diperolehi mencukupi untuk mendakwa suspek berkenaan jenayah yang dilaporkan. Ada kalanya TPR mungkin memberi arahan lanjut kepada IO untuk mendapatkan bukti yang lain. Ini bermaksud siasatan akan berterusan beberapa minggu lagi, kemudiannya IP akan dikemaskini dan dirujuk sekali lagi untuk mendapatkan keputusan TPR. Pada peringkat ini, salah satu dari dua keadaan di bawah boleh berlaku:

- i) TPR memutuskan bahawa cukup bukti untuk mendakwa suspek. Suspek akan dibawa ke mahkamah supaya dia dapat didakwa di mana **pertuduhan** terhadap dirinya berkait jenayah yang dilaporkan dibacakan di hadapan mahkamah. Suspek kemudiannya akan terus dirujuk sebagai Orang Kena Tuduh (OKT).
- ii) TPR membuat keputusan bahawa tidak cukup bukti untuk mendakwa suspek. Kes akan ditutup dan akan diklasifikasikan sebagai “tiada tindakan lanjut” (**No Further Action** - **NFA**) dan suspek dibebaskan. Tetapi, jika terdapat bukti baru yang timbul (contohnya, saksi yang sebelum ini hilang telah dijumpai), kes boleh dibuka semula untuk siasatan lanjut dan proses mengumpul bukti jenayah akan diteruskan semula, sehingga TPR memutuskan bahawa IP telah lengkap dan suatu keputusan dapat dibuat.



Apakah yang dimaksudkan dengan “PERTUDUHAN”?



Suspek akan dibawa ke mahkamah oleh IO berikutan keputusan yang telah dibuat oleh TPR untuk menuduh suspek. Di mahkamah, TPR akan mengemukakan kertas pertuduhan yang menyatakan butir-butir penting mengenai jenayah yang didakwa. Kertas pertuduhan akan dibacakan kepada suspek yang kini dikenali sebagai **tertuduh** atau **Orang Kena Tuduh (OKT)**, dan dia akan disoal sama ada dia faham pertuduhan itu, dan sama ada dia ingin mengaku bersalah ataupun tidak kepada jenayah yang dipertuduhkan. Mana-mana pilihan tertuduh akan direkodkan sebagai pilihan pengakuannya.

- **Apabila tertuduh mengaku bersalah**

Jika tertuduh mengaku bersalah, bukti atau keterangan mengenai jenayah tidak perlu dibentangkan atau diujahkan di dalam mahkamah. Satu tarikh akan ditetapkan untuk merekodkan pengakuan bersalah dan untuk hukuman dijatuhkan. Hakim akan mempertimbangkan **hukuman** yang sesuai mengikut undang-undang dan ini bergantung kepada tahap keseriusan jenayah yang dilakukan. Mangsa atau keluarganya boleh hadir pada bahagian proses mahkamah ini dan memaklumkan kepada TPR tentang penderitaan yang ditanggung akibat jenayah tersebut. Maklumat ini boleh ditulis sebagai **Pernyataan Impak Mangsa** (lihat muka surat 42) dan akan dipertimbangkan oleh Hakim sebelum memutuskan hukuman. Proses mahkamah diselesaikan dengan penjatuhan hukuman ke atas tertuduh.

Apakah yang dimaksudkan dengan “HUKUMAN”?

Hukuman adalah keputusan yang diberikan kepada tertuduh oleh Hakim. Untuk memutuskan hukuman, Hakim mesti merujuk kepada undang-undang jenayah, yang menetapkan jenis hukuman yang disediakan untuk jenayah yang dilakukan. Dalam kebanyakan kes, Hakim diberikan budi bicara untuk menentukan tahap hukuman dengan melihat kepada keseriusan jenayah yang dilakukan. Hukuman yang dijatuhkan tidak boleh melebihi had yang ditetapkan oleh undang-undang.

- **Apabila tertuduh mengaku tidak bersalah**

Jika tertuduh mengaku tidak bersalah, kes akan diteruskan ke perbicaraan di mahkamah. Maksudnya, semua bukti yang telah dikumpul oleh IO perlu dikemukakan di mahkamah untuk dinilai, supaya Hakim dapat membuat keputusan pada penghujung kes sama ada tertuduh didapati bersalah atau tidak atas jenayah yang dituduh. Sementara kes dibicarakan, tertuduh biasanya akan bebas di bawah **jamin**. Sekiranya dapat ditunjukkan bahawa tertuduh jika dibebaskan mungkin mengganggu saksi-saksi atau proses mahkamah, mahkamah boleh memerintahkan tertuduh ditahan di lokap sementara perbicaraan masih berjalan.



Apakah yang dimaksudkan dengan “JAMINAN”?



Jaminan atau ikat jamin adalah sejumlah wang yang diberikan kepada mahkamah dalam bentuk sijil deposit tetap, untuk memastikan bahawa tertuduh akan hadir di mahkamah semasa perbicaraan.


Orang yang membuat pembayaran kepada mahkamah dipanggil penjamin dan biasanya adalah ahli keluarga atau rakan tertuduh. Jika tertuduh tidak dapat membayar jaminan, dia akan ditahan di lokap.

Jika jaminan dibayar dan tertuduh gagal hadir di mahkamah, wang tersebut akan dirampas oleh mahkamah jika penjamin tidak dapat menunjukkan alasan yang munasabah atas ketidakhadiran tertuduh dan waran tangkap akan dikeluarkan untuk menangkap tertuduh.

Terdapat juga syarat-syarat lain yang boleh dikenakan ke atas tertuduh bagi memastikan dia hadir di mahkamah dan tidak mengganggu proses perbicaraan, contohnya penyerahan pasport, larangan mendekati mangsa dan saksi-saksi lain, serta arahan untuk melaporkan diri di balai polis pada masa yang ditetapkan.

- **Proses pra-perbicaraan (sebutan/pengurusan kes)**

Beberapa perkara mungkin perlu diuruskan oleh pihak TPR dan peguam bela/tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan. Tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah untuk mendengar permohonan atau hujahan daripada TPR atau peguam bela/tertuduh dikenali sebagai tarikh sebutan atau tarikh pengurusan kes pra-perbicaraan. Ia adalah satu proses untuk memastikan bahawa tertuduh diwakili oleh peguam jika beliau memilih sedemikian, dan semua pihak mempunyai dokumen serta maklumat yang lengkap sebelum meneruskan perbicaraan. Ini juga mungkin melibatkan permohonan oleh peguam bela/tertuduh untuk membatalkan kes sebelum perbicaraan dimulakan. Mangsa dan saksi-saksi tidak perlu hadir di mahkamah semasa tarikh sebutan atau pengurusan kes pra-perbicaraan. Hanya tertuduh yang perlu hadir.

Rajah 1: Membuat Laporan, Siasatan dan Pertuduhan

PERBICARAAN

Apabila tertuduh mengaku tidak bersalah⁵, satu perbicaraan akan dijalankan. Hakim akan menetapkan tarikh untuk perbicaraan. Perbicaraan melibatkan pihak-pihak yang bertentangan dan prosedur yang akan memastikan keadilan dan kesaksamaan bagi mangsa/pengadu dan tertuduh. Seksyen-seksyen berikut akan menerangkan persediaan, susun atur bilik mahkamah, pihak-pihak yang terlibat, dan proses perbicaraan.

Persediaan untuk Perbicaraan

Adalah tanggungjawab TPR untuk memastikan semua bukti disediakan untuk dibentangkan semasa perbicaraan. Ini termasuk memastikan saksi hadir di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan. Mangsa, sebagai saksi utama, bersama saksi-saksi lain, akan menerima **sepina** daripada polis yang memberitahu mereka tentang tarikh yang mereka perlu hadir di mahkamah. Sebagai persiapan, mangsa dan saksi-saksi mungkin diminta oleh polis atau TPR untuk membaca semula kenyataan yang mereka berikan semasa siasatan, untuk mengingat kembali tentang kejadian jenayah tersebut. Mangsa juga boleh meminta taklimat pra-perbicaraan daripada TPR mengenai proses memberi keterangan (rujuk muka surat 21).

Apakah yang dimaksudkan dengan “SEPINA”?



Sepina adalah satu perintah mahkamah yang memaklumkan saksi tentang tarikh dan masa saksi tersebut perlu hadir di mahkamah. IO atau TPR akan mengatitkan pengeluaran sepina kepada saksi-saksi. Jika seorang saksi gagal mematuhi walaupun telah menerima sepina, TPR atau peguam bela boleh memohon waran tangkap untuk saksi tersebut.

Apabila hadir ke mahkamah, saksi perlu memastikan sepina mereka disahkan oleh TPR untuk mengesahkan kehadiran mereka. Jika kes ditangguhkan, saksi harus mendapatkan tarikh mahkamah yang baru. Sepina yang telah disahkan boleh dikemukakan di kaunter tuntutan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang berkenaan untuk menuntut elaun perjalanan (rujuk muka surat 28).

5. Seorang tertuduh boleh mengaku bersalah pada bila-bila masa semasa perbicaraan. Dia kemudiannya akan dijatuhi hukuman.

Pengenalan kepada Susun Atur Bilik Mahkamah



Berikut menerangkan susun atur umum bilik mahkamah dengan kedudukan tempat duduk setiap individu yang terlibat dan penerangan ringkas tentang tugas mereka.

Hakim

Hakim bertanggungjawab menyelia perjalanan perbicaraan dan mempertimbangkan bukti serta hujah-hujah daripada pihak-pihak yang bertentangan. Dalam kes jenayah, dua pihak yang bertentangan adalah kerajaan (pendakwaan) dan tertuduh (pembelaan). Hakim kemudian akan memutuskan sama ada untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh dan menjatuhkan hukuman.

Mangsa dan Saksi-Saksi Lain

Mangsa jenayah akan dipanggil oleh TPR sebagai saksi untuk memberikan keterangan di mahkamah bagi membuktikan jenayah tersebut. Saksi-saksi lain juga akan dipanggil oleh TPR untuk memberikan keterangan di mahkamah.

Tertuduh

Tertuduh adalah orang yang didakwa atau dikenali sebagai OKT (Orang Kena Tuduh) dengan jenayah tersebut. Tempat di mana tertuduh duduk dipanggil sebagai kandang tertuduh. Tertuduh biasanya diwakili oleh seorang peguam yang dipanggil peguam bela. Mahkamah boleh membenarkan tertuduh yang tidak ingin melantik peguam untuk mengendalikan pembelaan kesnya sendiri.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR)

Peranan TPR adalah untuk mendakwa seseorang yang dituduh dengan jenayah demi melindungi kepentingan orang awam. TPR membawa tertuduh ke mahkamah untuk menghadapi pendakwaan jenayah, mengemukakan bukti untuk membuktikan bahawa jenayah tersebut berlaku dan mendapatkan hukuman yang setimpal ke atas tertuduh.

TPR bekerja untuk kerajaan dan tidak mewakili mangsa atau saksi. Mangsa tidak perlu membayar untuk perkhidmatan TPR. Mungkin terdapat lebih daripada satu TPR yang mengendalikan kes tersebut.



Peguam Bela

Peguam bela adalah peguam yang dilantik oleh tertuduh untuk melindungi kepentingan tertuduh. Adalah pilihan tertuduh sama ada untuk melantik peguam bela. Peranan peguam bela adalah untuk membentangkan bukti dan hujah-hujah bagi menunjukkan bahawa tertuduh tidak bersalah atas jenayah tersebut. Peguam akan menyoal mangsa atau saksi-saksi lain mengenai jenayah itu, dan cuba untuk menimbulkan keraguan terhadap kes tersebut supaya tertuduh didapati tidak bersalah.

Peguam Pemerhati

Mangsa juga boleh melantik seorang peguam swasta sebagai “peguam pemerhati” untuk mewakili kepentingannya semasa siasatan dan perbicaraan mahkamah. Peguam pemerhati harus memohon kebenaran daripada hakim untuk mewakili mangsa dan bercakap bagi pihak mangsa semasa perbicaraan. Peranan peguam pemerhati adalah:

- Memohon perkembangan status kes;
- Menjelaskan situasi di mahkamah kepada mangsa dan keluarganya;
- Berhubung dengan TPR bagi persediaan keperluan mangsa semasa menghadiri mahkamah;
- Memberitahu TPR dan mahkamah apabila hak mangsa terjejas di mahkamah, contohnya apabila pihak peguam bela menanyakan soalan yang tidak munasabah atau secara kasar; dan
- Membantu mengemukakan maklumat tentang penderitaan mangsa akibat jenayah tersebut, untuk tujuan hukuman dan pampasan yang sesuai diberikan (rujuk Pernyataan Impak Mangsa di muka surat 42).

Pendamping Guaman

Bawah Akta Bantuan Guaman 1971, ahli keluarga mangsa jenayah seksual kanak-kanak boleh memohon untuk mendapatkan seorang pendamping guaman. Pendamping guaman adalah pegawai dari Jabatan Bantuan Guaman yang peranannya adalah untuk melindungi kepentingan mangsa kanak-kanak. Peranan pendamping guaman adalah sama dengan peguam pemerhati, termasuk:

- Memberi nasihat kepada penjaga/pelindung mangsa kanak-kanak mengenai perkara-perkara undang-undang; dan
- Mengiringi dan mewakili mangsa kanak-kanak dalam sebarang perbicaraan di mahkamah.

Jurubahasa

Jurubahasa membantu Hakim dengan memanggil kes yang disenaraikan dan membaca pertuduhan terhadap tertuduh. Jurubahasa turut memastikan tatatertib mahkamah diikuti dan menjalankan tugas mengalih bahasa sebagaimana yang diperlukan.

Polis Mahkamah

Polis mahkamah berada di dalam bilik mahkamah bagi memastikan keselamatan di mahkamah termasuk mengiringi tertuduh ke kandang tertuduh. Polis mahkamah juga membantu memanggil nama saksi yang diperlukan untuk masuk ke dalam bilik mahkamah apabila tiba giliran saksi tersebut untuk memberi keterangan.

Pihak Lain Yang Mungkin Hadir

Peguam-peguam bagi kes yang lain akan turut berada di mahkamah bagi menunggu kes mereka dipanggil jika terdapat kes lain yang turut dijalankan di mahkamah tersebut pada tarikh yang sama. Kadangkala terdapat juga wartawan yang melaporkan tentang kes tersebut atau kes-kes yang lain. Sekiranya Hakim mengarahkan perbicaraan dijalankan di dalam mahkamah tertutup, pihak-pihak yang tidak berkenaan seperti peguam bagi kes yang lain dan juga wartawan tidak dibenarkan sama sekali untuk berada di dalam mahkamah.

Galeri Awam

Ini adalah tempat di mana orang awam boleh duduk. Ini termasuk ahli keluarga dan penyokong mangsa atau tertuduh. Walau bagaimanapun, jika mereka adalah saksi dalam kes tersebut, mereka tidak dibenarkan duduk di galeri awam apabila perbicaraan bermula, atau berbincang mengenai kes tersebut dengan orang lain. Kes-kes yang melibatkan kanak-kanak akan diadakan di mahkamah tertutup di mana galeri awam akan dikosongkan.



Proses Perbicaraan

Perbicaraan mempunyai beberapa peringkat dan setiap peringkat diperjelaskan di bawah.

Peringkat Pendakwaan

Perbicaraan bagi satu kes jenayah bermula apabila pihak pendakwaan memanggil saksinya untuk memberi keterangan tentang jenayah tersebut. Keterangan yang dimaksudkan adalah keterangan yang diberikan secara lisan oleh saksi tentang jenayah yang dituduh. TPR akan menggunakan keterangan lisan yang diberikan serta sebarang dokumen atau objek yang menyokong keterangan tersebut untuk membuktikan bahawa telah berlakunya satu jenayah. Peringkat perbicaraan ini juga dikenali sebagai **peringkat pendakwaan**. Semasa peringkat pendakwaan, terdapat tiga langkah yang diikuti bagi setiap saksi.

Pihak TPR memanggil saksi untuk memberi keterangan dengan bertanya kepada saksi soalan-soalan terbuka yang dapat membantu saksi menjelaskan bagaimana jenayah itu dilakukan oleh tertuduh, sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan. Selepas semua soalan telah ditanya oleh TPR dan telah dijawab oleh saksi, langkah seterusnya bermula.

Langkah 1: TPR menyoal saksi (Pemeriksaan Utama)

Peguam bela menyoal balas saksi dengan beberapa soalan khusus untuk mendapatkan jawapan yang antaranya menunjukkan bahawa saksi tidak bercakap benar, mungkin tersilap memberi keterangan atau mempunyai tujuan lain untuk menipu tentang kesalahan yang dituduh. Tujuan soalan-soalan ini adalah untuk menimbulkan keraguan sama ada tertuduh benar-benar telah melakukan jenayah tersebut. Setelah peguam bela selesai menyoal balas, langkah seterusnya pula diikuti.

Langkah 2: Peguam bela menyoal balas (Pemeriksaan Balas)

TPR menyoal semula saksi dengan menanyakan soalan yang berkait dengan perkara ditimbulkan oleh peguam bela. Pada peringkat ini soalan yang ditanya oleh TPR memberi peluang kepada saksi untuk menerangkan semula mana-mana jawapan yang tidak jelas, mengelirukan atau yang berkemungkinan bercanggah, yang diberikan oleh saksi semasa pemeriksaan balas.

Langkah 3: TPR menyoal semula (Pemeriksaan Semula)

Hujahan (Di Akhir Kes Pendakwaan)

Setelah kesemua saksi selesai disoal oleh TPR (semua saksi selesai melalui ketiga-tiga langkah), dan kesemua bahan bukti sokongan telah dikemukakan, peringkat pendakwaan bagi kes pun berakhir dan TPR menutup kes pendakwaan. Kedua-dua pihak TPR dan peguam bela kemudiannya akan berhujah di hadapan mahkamah untuk memutuskan sama ada kes telah mencapai tahap *prima facie* ataupun tidak, di peringkat ini. Kes *prima facie* bermaksud terdapat bukti awal yang kukuh pada permulaan untuk menunjukkan tertuduh telah melakukan jenayah tersebut.

Keputusan (Di Akhir Peringkat Pendakwaan)

- i) Sekiranya Hakim memutuskan bahawa bukti awal yang dibentangkan adalah cukup kukuh pada permulaan untuk menunjukkan bahawa jenayah tersebut telah berlaku, iaitu satu kes *prima facie* telah dibuktikan, perbicaraan akan diteruskan ke peringkat seterusnya, yang dikenali sebagai peringkat pembelaan.
- ii) Sekiranya Hakim memutuskan bahawa bukti awal yang dibentangkan tidak cukup kukuh pada permulaan untuk menunjukkan bahawa tertuduh telah melakukan jenayah tersebut, mahkamah akan melepaskan dan membebaskan tertuduh. Pembebasan bermaksud tertuduh didapati tidak bersalah dan kini bebas. Rayuan boleh dibuat oleh TPR terhadap keputusan pembebasan tersebut di peringkat ini.



Kadangkala, Hakim mungkin memutuskan untuk “melepaskan tanpa membebaskan” (DNAA) kerana beberapa sebab seperti ketiadaan saksi, bukti, atau sebab-sebab perundangan yang lain. Ini bermakna tertuduh dilepaskan tetapi boleh didakwa semula pada masa hadapan jika terdapat perkembangan baru, contohnya, bukti atau saksi yang hilang sebelum ini telah ditemui.

Peringkat Pembelaan

Peringkat ini merupakan giliran peguam bela untuk memanggil saksi-saksi yang akan memberi keterangan secara lisan, dokumen atau objek untuk membuktikan bahawa tertuduh tidak melakukan jenayah tersebut atau menimbulkan keraguan bahawa jenayah itu dilakukan oleh tertuduh. Sekiranya tertuduh tidak melantik peguam bela, tertuduh perlu mengendalikan sendiri perbicaraan di peringkat ini.

Tertuduh merupakan saksi pertama memberikan keterangan di peringkat pembelaan, diikuti oleh saksi-saksi lain untuk menyokong keterangan pembelaan, jika ada. Cara menyoal saksi di peringkat ini sama seperti diterangkan di peringkat pendakwaan di atas, di mana terdapat tiga langkah yang akan dilalui. Perubahan hanyalah pada turutan pihak yang menyoal saksi; pemeriksaan utama akan dikendalikan oleh peguam bela, pemeriksaan balas oleh TPR, dan pemeriksaan semula oleh peguam bela. Mangsa dan keluarganya boleh menghadiri perbicaraan semasa peringkat pembelaan ini jika mereka tidak diminta untuk menjadi saksi pembelaan.

Hujahan (Di Akhir Kes Pembelaan)

Apabila peringkat pembelaan berakhir, proses perbicaraan hampir sampai ke peringkat penghujung. Kedua-dua TPR dan peguam bela akan berhujah berdasarkan semua bukti yang telah dikemukakan semasa perbicaraan, dan Hakim akan membuat keputusan sama ada tertuduh didapati bersalah ataupun sebaliknya. Mangsa dan keluarganya boleh memilih untuk hadir semasa hujahan sedang dibuat atau semasa Hakim memberi keputusannya secara lisan. Ada kalanya Hakim mungkin meminta agar hujahan dibuat secara bertulis. Hakim kemudiannya mungkin akan menetapkan satu tarikh yang lain untuk memberi keputusan kes.

Keputusan (Di Akhir Perbicaraan)

Jika Tertuduh Didapati Bersalah

Jika hakim mendapati bahawa bukti cukup kuat untuk mensabitkan tertuduh tanpa sebarang keraguan yang munasabah, tertuduh akan didapati bersalah.

Sebelum hukuman dijatuhkan, peguam bela akan diberi peluang untuk berhujah agar hukuman yang lebih ringan dikenakan. Ini dipanggil mitigasi. TPR juga akan berhujah untuk hukuman yang lebih berat, berdasarkan keterukan jenayah atau impaknya terhadap mangsa.

TPR mungkin memanggil mangsa atau keluarganya ke mahkamah untuk menerangkan kepada hakim kesakitan dan penderitaan yang ditanggung akibat jenayah tersebut, contohnya kecederaan dan trauma yang dialami. TPR juga mungkin akan membacakan kenyataan yang disediakan oleh mangsa atau keluarganya mengenai penderitaan tersebut. Kenyataan ini dipanggil Pernyataan Impak Mangsa (rujuk muka surat 42).

Selepas mempertimbangkan semua perkara di atas dan demi kepentingan awam, hakim akan menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh. Mangsa atau ahli keluarga mangsa boleh memilih untuk hadir semasa tahap proses mahkamah ini.

Jika Tertuduh Didapati Tidak Bersalah

Jika mahkamah berpendapat bahawa bukti tidak cukup kuat untuk membuktikan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa tertuduh bersalah, atau keraguan yang mencukupi telah dikemukakan, tertuduh akan dibebaskan dari jenayah tersebut dan dilepaskan.

Rayuan


Rayuan boleh dibuat jika mana-mana pihak tidak berpuas hati dengan keputusan atau hukuman yang dijatuhkan. TPR atau peguam bela boleh mengemukakan rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi.


Dokumen perlu difailkan untuk rayuan dan tarikh akan ditetapkan untuk pendengaran rayuan tersebut.

Mangsa dan keluarganya boleh memilih untuk hadir ke mahkamah pada tarikh tersebut atau meminta peguam pemerhati atau pendamping guaman untuk memohon hadir bagi pihak mereka.

Selepas mendengar hujah-hujah daripada TPR dan peguam bela serta mempertimbangkan bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan, mahkamah yang lebih tinggi akan memutuskan sama ada keputusan tersebut perlu dikekalkan, diubah, atau perbicaraan baru perlu dijalankan. Keputusan ini juga boleh dirayu sehingga kes tersebut mencapai tahap mahkamah yang tertinggi, iaitu Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Rajah mengenai struktur mahkamah di Malaysia boleh ditemui di muka surat 43.

Rajah 2: Proses Perbicaraan Penuh





SEKSYEN B: MENJADI SAKSI DI MAHKAMAH

Biasanya, seseorang saksi akan berasa gementar dan risau apabila tibanya masa untuk hadir ke mahkamah dan memberi keterangan, terutamanya jika saksi itu ialah mangsa jenayah tersebut. Seksyen seterusnya menerangkan hak-hak mangsa/saksi dan bentuk-bentuk sokongan yang boleh membantu seseorang saksi untuk lebih bersedia menghadapi perbicaraan.

PERSEDIAAN SEBELUM PERBICARAAN MAHKAMAH

Taklimat Pra-Perbicaraan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR)

TPR harus sedia untuk memberikan taklimat pra-perbicaraan dan menjawab sebarang kebimbangan yang mungkin dihadapi oleh mangsa/saksi mengenai perbicaraan. Susunan untuk taklimat tersebut boleh dibuat melalui IO. Mangsa/saksi juga boleh memohon sepina daripada IO jika sepina belum diberikan.

Semasa taklimat pra-perbicaraan, mangsa/saksi boleh ditemani oleh pendamping guaman atau peguam pemerhati, ahli keluarga atau rakan.

Mangsa/saksi harus mendapat penerangan tentang hak-hak mereka seperti yang disenaraikan di bawah, supaya permintaan dan persiapan dapat dibuat lebih awal dengan TPR untuk bantuan semasa perbicaraan.

Hak-Hak Seorang Saksi Di Mahkamah

Seorang mangsa/saksi diberi hak-hak tertentu dan pemahaman tentang hak-hak ini boleh membantu mengurangkan kegusaran yang mungkin dialami. Untuk tujuan persediaan kes, TPR, IO, pendamping guaman atau peguam pemerhati harus membantu menyediakan langkah-langkah khas berikut yang bertujuan untuk melindungi hak mangsa/saksi, sebelum perbicaraan bermula:-

- **Perintah untuk menghalang tertuduh daripada mengganggu mangsa dan saksi-saksi lain**


Kadangkala, sebelum kes mahkamah bermula, mangsa atau saksi-saksi lain mungkin diganggu oleh tertuduh atau pihak ketiga. Jika gangguan seperti itu berlaku atau berkemungkinan berlaku, TPR, pendamping guaman atau peguam pemerhati harus memohon kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah bagi melarang gangguan tersebut. Larangan ini boleh dikenakan sebagai salah satu syarat ikat jamin yang perlu dipatuhi oleh tertuduh apabila dia dibebaskan dengan jaminan. Mahkamah boleh menarik balik jaminan jika tertuduh melanggar syarat-syarat ikat jamin yang dikenakan (rujuk muka surat 8 & 40).

- **Untuk ditemani oleh ahli keluarga, rakan atau pihak yang membantu**

Sokongan emosi adalah sangat penting bagi mangsa/saksi semasa menghadapi perbicaraan. Saksi dewasa, terutamanya mangsa, seharusnya ditemani oleh ahli keluarga, rakan, atau individu yang memberi sokongan ketika menunggu untuk dipanggil memberi keterangan semasa perbicaraan. Jika dibenarkan oleh mahkamah, mangsa/saksi dewasa juga boleh ditemani di dalam mahkamah semasa memberi keterangan ketika perbicaraan. Bagi mangsa/saksi kanak-kanak, permohonan boleh dibuat agar seorang dewasa seperti ahli keluarga (yang bukan seorang saksi) atau pekerja sosial duduk di sebelah kanak-kanak tersebut semasa kanak-kanak memberi keterangannya.

- **Untuk memberi keterangan menggunakan pengadang atau rangkaian secara langsung (*video live-link*) di mahkamah**

Mangsa/saksi yang tidak mahu melihat tertuduh semasa memberi keterangan boleh memohon untuk dilindungi oleh pengadang. Jika mangsa adalah kanak-kanak di bawah usia 18 tahun, memberi keterangan melalui rangkaian secara langsung (*video live-link*) biasanya dibenarkan mengikut undang-undang. Ini bermaksud kanak-kanak tersebut memberi keterangan dari bilik lain yang kemudiannya disiarkan ke bilik mahkamah melalui rangkaian secara langsung. Seorang pegawai kebajikan, kakitangan mahkamah, atau ahli keluarga (yang bukan



seorang saksi) boleh dibenarkan duduk di sebelah kanak-kanak tersebut semasa dia memberi keterangannya di bilik rangkaian secara langsung. Bagi orang dewasa, kebenaran boleh dimohon daripada mahkamah untuk penggunaan rangkaian secara langsung atau pengadang dalam kes-kes khas.

- **Untuk memberi keterangan melalui seorang jurubahasa**

Seorang mangsa/saksi berhak meminta bantuan seorang jurubahasa untuk menterjemahkan soalan-soalan yang ditanya kepadanya di dalam perbicaraan kepada bahasa atau dialek yang difahami mangsa/saksi. Namun, keperluan ini perlu dimaklumkan kepada TPR berkenaan sebelum perbicaraan bermula agar persediaan awal dapat dibuat. Jika saksi adalah kanak-kanak kecil, seorang ahli keluarga atau seorang pakar kanak-kanak mungkin boleh dipanggil untuk membantu mentafsir keterangan kanak-kanak tersebut.

- **Perbicaraan tertutup dan larangan menyiarkan butir-butir kes (*gag order*)**

Jika seseorang mangsa risau bahawa butir-butir kesnya akan terdedah kepada media, permohonan boleh dibuat oleh TPR, pendamping guaman atau peguam pemerhati supaya perbicaraan dikendalikan di dalam mahkamah tertutup. Ini bermakna orang ramai atau media tidak dibenarkan berada di dalam mahkamah sepanjang perbicaraan berlangsung. Selain daripada itu, permohonan juga boleh dibuat kepada mahkamah untuk satu perintah melarang penyiaran butir-butir kes, atau *gag order*. Larangan tersebut bermaksud Hakim boleh mengarahkan agar butir-butir mengenai mangsa atau kejadian jenayah tersebut tidak disiarkan atau disebarkan oleh media. Bagi mangsa kanak-kanak, menerbitkan apa-apa maklumat yang boleh menyebabkan orang awam mengetahui identiti kanak-kanak berkenaan adalah satu jenayah, dan keterangan kanak-kanak biasanya diberikan di dalam mahkamah tertutup.

- **Perlindungan untuk mangsa semasa disoal oleh peguam bela**

Soalan yang tidak relevan seperti pengalaman lalu seksual mangsa tidak dibenarkan untuk ditanya semasa perbicaraan. Mangsa juga tidak seharusnya dikenakan soalan yang memalukan atau mengaibkan. Jika ini berlaku, adalah tanggungjawab TPR untuk membantah. Pendamping guaman atau peguam pemerhati juga boleh membantah. Bagi saksi kanak-kanak, hakim boleh menghalang soalan yang tidak wajar, mengelirukan, atau memalukan daripada ditanyakan kepada mereka.



- **Meminta masa rehat semasa memberi keterangan**

Jika mangsa/saksi berasa tertekan atau cemas, TPR, pendamping guaman atau peguam pemerhati boleh memohon kepada hakim untuk memberi masa rehat seketika. Mangsa/saksi juga boleh memberitahu mahkamah jika perlu rehat untuk ke tandas.

- **Memberi Pernyataan Impak Mangsa**

Pernyataan Impak Mangsa menekankan penderitaan dan trauma yang dialami oleh mangsa akibat jenayah tersebut. Saksi/mangsa boleh memilih untuk menceritakan pengalamannya di mahkamah, atau menyediakan kenyataan terlebih dahulu yang akan dibacakan di mahkamah. Pernyataan ini akan digunakan oleh hakim semasa mempertimbangkan berat hukuman yang akan dikenakan ke atas tertuduh. Jika mangsa adalah kanak-kanak yang sangat muda, ibu bapa atau penjaga boleh hadir di mahkamah untuk memberikan pernyataan bagi pihaknya (rujuk muka surat 42).

- **Mendapatkan pampasan untuk jenayah yang berlaku**

Dalam kes di mana kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual, mahkamah boleh mengarahkan tertuduh yang disabitkan kesalahan untuk membayar pampasan. Jumlah pampasan akan ditentukan oleh mahkamah dan haruslah adil serta munasabah, berdasarkan keadaan kes tersebut. Mahkamah akan mengambil kira sifat kecederaan yang dialami, trauma yang dialami, dan faktor lain yang relevan yang telah menyumbang kepada penderitaan mangsa. Tujuannya adalah untuk memberikan bantuan kewangan kepada mangsa kanak-kanak bagi kecederaan yang mereka alami akibat jenayah tersebut. TPR juga boleh memohon supaya mahkamah mengarahkan pampasan sebelum menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh. Perintah mahkamah ini akan menyatakan jumlah yang perlu dibayar oleh tertuduh kepada mangsa bagi penderitaan yang dialami akibat jenayah tersebut.

MEMBERI KETERANGAN

Hadir Sebagai Saksi di Mahkamah

- Semasa perbicaraan, polis mahkamah akan memanggil saksi yang diperlukan untuk masuk ke bilik mahkamah dan duduk di tempat saksi.
- Saksi boleh memilih untuk bercakap dalam bahasa yang mereka selesa. Mereka mesti memberitahu TPR terlebih dahulu supaya persiapan untuk jurubahasa mahkamah yang sesuai boleh dilakukan sebelum perbicaraan bermula.
- Jurubahasa mahkamah akan meminta kad pengenalan asal saksi dan sumpah akan diambil dalam bahasa yang paling selesa bagi saksi. Jurubahasa akan bersedia untuk membantu saksi. Sumpah yang diangkat adalah perjanjian secara lisan untuk memberitahu perkara yang benar dan ia berbunyi “Saya dengan ini bersumpah untuk menyatakan perkara yang benar dan hanya yang benar belaka”. Sekiranya saksi didapati berbohong ketika di bawah sumpah, beliau boleh dikenakan tindakan undang-undang. Mana-mana saksi kanak-kanak yang berusia lebih dua belas tahun dengan pemahaman yang mencukupi boleh memberi keterangan di bawah sumpah, manakala kanak-kanak di bawah dua belas tahun yang tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi boleh memberi keterangan tanpa sumpah, dengan mahkamah menerangkan tanggungjawab untuk bercakap benar.
- Jurubahasa kemudian akan meminta saksi untuk menyatakan nama penuh, alamat, umur dan pekerjaan saksi. Alamat saksi tidak perlu didedahkan, dengan memberitahu TPR sebelum perbicaraan bermula.
- TPR biasanya memberitahu saksi untuk menjawab soalan dengan jelas dan menghadap hakim supaya saksi dapat didengari. Prosiding perbicaraan akan direkodkan oleh mahkamah.
- Setelah keterangan diberikan, saksi akan dibebaskan dari sumpahnya oleh mahkamah. Walaupun jarang berlaku, saksi mungkin diminta untuk kembali ke mahkamah, contohnya apabila terdapat sebahagian keterangan yang perlu “disoal semula” atau apabila ada individu yang perlu dikenal pasti di mahkamah. Ini dikenali sebagai memanggil semula saksi.



Panduan-panduan yang Berguna

Berikut adalah tip-tip berguna untuk diingat semasa memberi keterangan di mahkamah:

- Fikir dengan teliti sebelum menjawab soalan.
- Apabila berasa gementar, tarik nafas dalam-dalam untuk menenangkan diri, dan jawab dengan perlahan.
- Minta soalan diulang atau dijelaskan jika perlu.
- Jangan ketawa atau menjawab dengan cara yang cuai.
- Gunakan bahasa yang betul dan rasmi.
- Panggil hakim sebagai "Yang Arif" di Mahkamah Tinggi, "Tuan/Puan Hakim" di Mahkamah Sesyen dan "Tuan/Puan Majistret" di Mahkamah Majistret.
- Jika perlu ke tandas atau jika berasa tidak sihat atau tertekan, minta kepada hakim untuk rehat seketika.

Maklumat Berguna



Pakaian yang sesuai

Perbicaraan di mahkamah adalah satu proses rasmi, dan mahkamah telah menetapkan agar semua yang hadir berpakaian sopan atau sederhana. Maksudnya, saksi tidak dibenarkan memakai seluar jeans, seluar pendek, baju tanpa lengan, *mini-skirt*, pakaian terlampau singkat atau menjolok mata, dan selipar.

6. Adakalanya saksi wanita datang haid ketika di mahkamah akibat tekanan stres semasa perbicaraan. Jadi adalah elok jika saksi bersedia membawa tuala wanita atau salinan pakaian.



Tuntutan Perjalanan

Seorang saksi boleh membuat tuntutan perjalanan bagi setiap tarikh saksi tersebut telah hadir di mahkamah. Apabila kes selesai didengar bagi hari tersebut, saksi yang hadir perlu menunjukkan sepina yang diterima kepada polis mahkamah. Polis mahkamah akan memastikan tarikh perbicaraan pada sepina adalah tepat supaya TPR yang mengendalikan kes boleh membuat pengesahan kehadiran yang bersesuaian. Sepina yang disahkan ini perlu dibawa kepada kaunter tuntutan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) berkenaan untuk tujuan bayaran tuntutan perjalanan. Polis mahkamah biasanya boleh membantu dengan proses tuntutan ini.

Jika sepina tidak diserahkan sebelum perbicaraan, satu permintaan boleh dibuat kepada TPR atau IO berkenaan dan salinan boleh dikeluarkan di mahkamah.

KEMUDAHAN DI DALAM BANGUNAN MAHKAMAH

Beberapa kemudahan telah disediakan di dalam bangunan mahkamah bagi keselesaan saksi dan orang ramai. Pengetahuan mengenai kemudahan tersebut boleh membantu saksi untuk lebih bersedia dan selesa sepanjang menghadiri mahkamah.

Kaunter maklumat/pendaftaran

Kaunter maklumat atau pendaftaran biasanya terletak di pintu masuk utama mahkamah. Saksi boleh meminta ditunjukkan arah ke bilik mahkamah berkenaan, ataupun arah untuk ke kemudahan-kemudahan lain. Kakitangan yang bertugas di kaunter biasanya boleh membantu dan memberi maklumat umum yang berkaitan dengan mahkamah berkenaan.

Bilik Saksi

Bilik ini merupakan sebuah bilik yang disediakan untuk saksi menunggu kerana mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam bilik mahkamah semasa perbicaraan sedang dijalankan dengan saksi-saksi lain. Saksi akan dipanggil oleh polis mahkamah apabila tiba giliran mereka untuk memberi keterangan. Bilik menunggu saksi biasanya terletak berhampiran dengan bilik mahkamah. Menggunakan kemudahan ini bermakna saksi tidak perlu berhadapan dengan tertuduh atau keluarganya sebelum memberi keterangan.

Adalah lebih baik untuk bertanya dengan polis mahkamah atau jurubahasa untuk mengesahkan lokasi bilik menunggu saksi. Walau bagaimanapun, pastikan anda membuat pertanyaan ini sebelum perbicaraan bermula pada jam 9.00 pagi.

Di beberapa mahkamah, bilik menunggu untuk saksi kanak-kanak juga disediakan.



Tandas

Biasanya, tempoh menunggu di mahkamah mengambil masa agak panjang sebelum saksi dipanggil untuk memberi keterangan. Sewaktu tempoh menunggu tersebut, saksi mungkin perlu menggunakan tandas. Kadangkala tandas tidak terletak pada setiap tingkat di bangunan mahkamah, jadi lebih baik jika saksi bertanya di kaunter maklumat mahkamah yang biasanya berhampiran ruang masuk hadapan mahkamah. Jika perbicaraan sudah bermula, saksi perlu maklumkan kepada polis mahkamah atau TPR terlebih dahulu sebelum ke tandas untuk memastikan beliau dapat dihubungi apabila diperlukan.

Surau

Saksi yang beragama Islam boleh menggunakan surau untuk menunaikan solat dan berehat. Di luar waktu solat, surau mungkin dikunci. Oleh itu, saksi digalakkan bertanya terlebih dahulu mengenai perkara ini di kaunter maklumat. Saksi juga harus memaklumkan terlebih dahulu kepada polis mahkamah atau TPR sebelum pergi ke surau untuk memastikan beliau dapat dihubungi.

Kantin/Kafeteria

Semua bangunan mahkamah mempunyai kantin atau kafeteria. Namun begitu, saksi dinasihati untuk makan dengan secukupnya sebelum pergi ke mahkamah. Saksi mungkin dibenarkan makan di dalam bilik saksi tetapi tidak dibenarkan berbuat demikian di dalam mahkamah. Jika saksi perlu pergi ke kantin/kafeteria apabila perbicaraan telah bermula, sila maklumkan kepada TPR terlebih dahulu atau pastikan telefon bimbit boleh dihubungi pada setiap masa.



Pesanan kepada Mangsa dan Keluarga Mangsa

Sebagai mangsa jenayah seksual atau keganasan rumah tangga, kehadiran anda di mahkamah adalah suatu peluang untuk memberitahu tentang jenayah yang dialami supaya keadilan dapat ditegakkan.

Dengan melaporkan jenayah tersebut dan kemudiannya menjadi saksi di mahkamah untuk menerangkan tentang jenayah yang terjadi, anda berpeluang memastikan tertuduh dibicarakan dan perlu menjawab ke atas perbuatan jenayah yang dilakukannya. Kami sedar betapa sukar dan peritnya untuk anda mengambil tindakan sedemikian tetapi anda telah menunjukkan kekuatan dan keberanian dalam menghadapi proses mahkamah. Kami berharap perbicaraan anda berjalan lancar dan anda mendapat keadilan.

Walaupun bagaimanapun, keputusan mahkamah bergantung kepada keperluan undang-undang yang rumit dan teknikal, termasuk keperluan bukti. Sekiranya keputusan perbicaraan tidak menggambarkan apa yang telah sebenarnya berlaku kepada anda, kami ingin anda tahu bahawa komitmen anda dalam mencari keadilan adalah sangat berharga. Kekuatan dan ketabahan anda bakal menjadi inspirasi kepada mereka yang turut berada dalam keadaan yang sama.



WCC sentiasa sedia membantu anda.
Anda boleh menghubungi kami di:

 011-3108 4001 / 016-439 0698

 04-228 0342 / 04-398 8340

     **WCC Penang**

Kami mengucapkan semua yang terbaik untuk anda!

LAMPIRAN



Glosari

Berikut adalah beberapa penerangan ringkas kepada istilah undang-undang yang biasa digunakan di dalam kes-kes jenayah seksual dan keganasan rumah tangga.

Kanak-Kanak: Seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

Kerelaan: Apabila mangsa secara rela melakukan hubungan seks dengan tertuduh.

Koroborasi: Bukti sokongan bagi menunjukkan keterangan tentang jenayah adalah benar. Contohnya, keterangan daripada saksi mata yang melihat mangsa menangis dan telah melihat kesan berikutan kejadian, sejurus selepas kejadian rogol dikatakan berlaku.

Laporan Kimia/DNA: Laporan daripada pakar saintifik, biasanya tentang sampel iaitu bukti yang telah diambil oleh pihak polis yang berkaitan dengan kes, contohnya darah, air mani, air liur dan lain-lain.

Laporan Obstetrik dan Ginekologi (O&G): Satu laporan perubatan oleh doktor yang telah memeriksa tubuh badan mangsa untuk bukti-bukti fizikal setelah satu laporan jenayah seksual dibuat.

Laporan Psikologi: Satu laporan tentang keadaan psikologi seorang mangsa bagi menilai kesan kepada minda dan kecederaan secara emosi berhubung jenayah yang telah dilaporkan.

Pengadu: Orang yang telah membuat laporan polis bagi mengadukan jenayah yang berlaku. Kerap kali, pengadu adalah mangsa jenayah itu sendiri.

Pegawai Penyiasat: Seorang pegawai penyiasat (*Investigating Officer* - IO) adalah anggota polis yang ditugaskan untuk menyiasat jenayah yang dilaporkan dan mencari bukti yang diperlukan untuk membuktikan kes. IO turut membantu TPR menghubungi dan mengendalikan saksi serta barang bukti semasa perbicaraan.

Pesalah Kanak-kanak: Jika orang yang melakukan jenayah berusia kurang dari 18 tahun, mereka akan dirujuk sebagai pesalah kanak-kanak dan kes akan dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Hukuman terhadap pesalah kanak-kanak lebih ringan berbanding pesalah dewasa.

Pengantunan Kanak-kanak (*child grooming*): Pengantunan kanak-kanak terjadi apabila seorang dewasa berkawan dan menjalinkan hubungan rapat dengan kanak-kanak tersebut dengan niat untuk melakukan hubungan seksual kelak.

Pendamping Guaman: Peguam kerajaan yang menawarkan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Bantuan Guaman untuk membantu kanak-kanak mangsa jenayah seksual. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah menasihati dan menerangkan tentang proses mahkamah kepada mangsa dan keluarga mangsa kanak-kanak jenayah seksual dan menemani mereka dalam mahkamah.

Peguam Pemerhati: Peguam swasta yang dilantik untuk mewakili kepentingan mangsa semasa perbicaraan dijalankan, dengan kebenaran Hakim.

Pernyataan Impak Mangsa: Pernyataan daripada mangsa atau keluarganya tentang penderitaan dan trauma yang dialami akibat jenayah yang berlaku. Pernyataan ini boleh diberi secara lisan atau bertulis kepada mahkamah selepas sabitan dan sebelum hukuman dijatuhkan.

Rogol Bawah Umur: Apabila seorang lelaki bersetubuh dengan gadis berusia kurang dari 16 tahun, sama ada dengan paksaan atau tidak, perbuatan jenayah ini dikenali sebagai rogol bawah umur.

Suspek: Orang yang disyaki telah melakukan jenayah yang dinyatakan di dalam laporan atau siasatan kes jenayah.

Sebutan/Pengurusan kes: Prosiding awal di mahkamah sebelum saksi-saksi mula dipanggil memberi keterangan. Contohnya, sebutan untuk menyemak sama ada tertuduh telah melantik peguam bela, menetapkan tarikh perbicaraan yang sesuai dan sebagainya.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR): Pegawai undang-undang kerajaan yang mendakwa orang yang dituduh atas sesuatu jenayah yang dilakukan.

Tertuduh/Orang Kena Tuduh (OKT): Orang yang telah didakwa melakukan satu (atau lebih) jenayah.

Undang-undang bagi Kesalahan Keganasan Rumah Tangga & Seksual

Kanun Kesseksaan

Seksyen	Kesalahan	Hukuman
321 & 323	Sengaja menyebabkan kecederaan	Penjara maksimum 1 tahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya
322 & 325	Sengaja menyebabkan cedera parah	Penjara maksimum 7 tahun dan denda
324	Sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau benda-benda merbahaya	Penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu
326	Sengaja menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata atau benda-benda merbahaya	Penjara maksimum 20 tahun dan denda atau sebat
326A	Menyebabkan kecederaan kepada pasangannya atau bekas pasangan, kanak-kanak, orang kurang upaya atau ahli keluarga yang lain	2 kali ganda hukuman maksimum
354	Mencabul kehormatan: Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat untuk mencabul kehormatannya	Penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu
355	Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat untuk menjatuhkan kehormatannya kecuali didesak dengan bangkitan-marah yang serius	Penjara maksimum 2 tahun atau denda atau kedua-duanya
372	Memperdagangkan seseorang untuk pelacuran	Penjara maksimum 15 tahun, sebat dan boleh juga didenda
375 & 376	Rogol: Seorang lelaki bersetubuh dengan seorang perempuan yang bukan isterinya tanpa kerelaannya. Rogol bawah umur adalah hubungan seksual dengan perempuan bawah umur 16 tahun.	Penjara maksimum 20 tahun dan sebat

375A	Suami menyebabkan kecederaan kepada isterinya untuk mengadakan persetubuhan	Penjara maksimum 5 tahun
375B	Rogol berkumpulan	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun
376 (2) (d,e)	Rogol bawah umur (jika perempuan berumur bawah 16 tahun) tanpa kerelaannya dan persetubuhan dengan perempuan bawah 12 tahun dengan atau tanpa kerelaannya akan diberikan hukuman yang lebih berat	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat
376(4)	Menyebabkan kematian seorang perempuan semasa melakukan atau mencuba untuk melakukan rogol	Dihukum mati atau penjara minimum 15 tahun penjara, maksimum 30 tahun dan minimum 10 sebatan
376A & 376B	Sumbang Mahram apabila seseorang melakukan persetubuhan dengan orang yang dilarang dikahwini sama ada dibawah undangundang, agama, atau adat	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat
377A & 377B	Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii. Melakukan hubungan seksual dengan memasukkan zakar ke dalam dubur (liwat) atau mulut seseorang yang lain	Penjara maksimum 20 tahun dan sebat
377C	Melakukan persetubuhan bertentangan tabii tanpa kerelaan	Penjara minimum 5 tahun, maksimum 20 tahun dan sebat
377CA	Perhubungan seks menggunakan objek, dsb	Penjara minimum 5 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat
377D	Melakukan atau bersuhabat, mendapatkan atau cuba mendapatkan supaya seseorang melakukan perbuatan kelucahan melampau di tempat awam atau persendirian	Penjara maksimum 2 tahun
377E	Merangsang kanak-kanak (bawah 14 tahun) untuk melakukan kelucahan terlampau dengannya atau orang lain	Penjara minimum 3 tahun, maksimum 15 tahun dan sebat

503, 506, & 507	Apabila seseorang mengancam orang lain dengan sebarang kecederaan kepada diri, reputasi atau harta benda dengan niat untuk menyebabkan kebimbangan kepada orang itu, termasuk menggunakan komunikasi tanpa nama.	Penjara maksimum 2 tahun atau denda atau kedua-duanya. Selain itu, penjara maksimum 2 tahun bagi penggunaan komunikasi tanpa nama.
507A	Menghendap (Sesiapa yang berulang kali terlibat dalam gangguan, dengan niat atau mengetahui bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesulitan, ketakutan, atau kebimbangan tentang keselamatan seseorang)	Penjara maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.
509	Perkataan atau isyarat dengan niat mengaibkan kehormatan seseorang	Penjara maksimum 5 tahun atau denda atau kedua-duanya

Akta Kanak-Kanak 2001

Seksyen	Kesalahan	Hukuman
15	Sekatan media bagi melindungi identiti mangsa : Media tidak boleh mendedahkan nama, alamat/institusi pendidikan atau memasukkan butir mangsa yang terlibat dalam prosiding jenayah atau di bawah Akta ini dan menyebabkan mangsa dikenal pasti	Boleh dipenjarakan maksimum 5 tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya
27, 28 & 29	Kewajipan untuk memaklumkan - pegawai perubatan atau pengamal perubatan, anggota keluarga & pengasuh kanak-kanak hendaklah memberitahu Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya kanak-kanak yang disyaki didera	Jika gagal lapor, boleh dipenjarakan maksimum 2 tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya
29A	Kewajipan untuk memaklumkan – sesiapa selain dari orang yang disebut di seksyen 27,28 & 29 hendaklah memberitahu Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya kanak-kanak yang disyaki didera	Tiada hukuman

31(1)	Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak. Sesiapa yang memelihara seorang kanak-kanak – (a) Yang menganiaya, mengaibkan, membuang atau mendedahkan kanakkanak yang dipelihara atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi ke atas kanak-kanak itu; atau (b) Yang menganiaya kanak-kanak secara seksual atau menyebabkan/membenarkannya dianiayai sedemikian	Denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun. Sebagai tambahan, mungkin di perintahkan dengan bon kelakuan baik dan pelaksanaan khidmat masyarakat
32	Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis, dsb - mana-mana orang yang menggunakan kanak-kanak untuk aktiviti tersebut akan di hukum	Boleh didenda maksimum RM 20,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, mungkin di perintahkan dengan bon kelakuan baik dan pelaksanaan khidmat masyarakat
33	Sesiapa yang membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan	Boleh didenda maksimum RM 20,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, mungkin diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat
116	Perlindungan informer - Sesiapa yang memberikan sebarang maklumat berkenaan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan tidak menanggung apa-apa liabiliti untuk fitnah kerana pemberian maklumat berkenaan.	Tiada hukuman

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017

Seksyen	Kesalahan	Hukuman
5	Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, dsb, bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 30 tahun dan minimum 6 sebatan
6	Membuat persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga disebat
7	Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarah pembuatan atau penghasilan, dsb bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 20 tahun dan minimum 5 sebatan
8	Bertukar-tukar, menerbitkan, dsb bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 15 tahun dan minimum 3 sebatan
9	Menjual, dsb kepada kanak-kanak bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 15 tahun dan minimum 5 sebatan
10	Mengakses, dsb bahan penganiayaan seksual kanak-kanak	Boleh penjarakan maksimum 5 tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya
11	Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak (kecuali bagi maksud pendidikan, sains atau perubatan)	Penjara maksimum 3 tahun
12	Pengantunan kanak-kanak (<i>child grooming</i>)	Penjara maksimum 5 tahun dan boleh juga disebat
13	Berjumpa selepas pengantunan kanak-kanak	Penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga disebat
14	Amang seksual fizikal atas kanak-kanak (<i>physical sexual assault</i>)	Penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga disebat
15	Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak (<i>non physical sexual assault</i>)	Penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM 20,000 atau kedua-duanya
15A	Persembahan seksual oleh kanak-kanak	Penjara maksimum 20 tahun dan denda maksimum RM50,000

15B	Pemerasan seksual kanak-kanak	Penjara maksimum 10 tahun
16	Kesalahan yang dilakukan dibawah Akta ini oleh orang yang mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak yang terlibat termasuk: a) Ibu atau bapa/penjaga/saudara b) Pengasuh c) Guru/pensyarah/warden d) Penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan e) Jurulatih f) Perkhidmat awam	Tambah hukuman penjara maksimum 5 tahun dan minimum 2 sebat
19	Kegagalan memberi maklumat tentang kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kesalahan membabitkan mangsa kanak-kanak kepada pegawai polis di balai berdekatan	Boleh didenda maksimum RM5,000
25	Peruntukan mengenai hukuman sebat sekiranya seseorang yang disabitkan di bawah Akta ini adalah lelaki berumur lebih daripada 50 tahun	Masih boleh dihukum dengan hukuman sebatan
26	Kaunseling pemulihan	Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dikenakan, memerintahkan suatu tempoh kaunseling pemulihan terhadap orang yang disabitkan atas kesalahan itu dalam tempoh penahanannya
26A	Perintah pembayaran pampasan kepada mangsa kanak-kanak: Mahkamah boleh mengarahkan pesalah membayar pampasan atas kecederaan yang dialami, mengikut jumlah yang munasabah.	Jumlah tersebut akan ditentukan oleh mahkamah.
27	Pengawasan polis	Jika disabitkan kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah arahkan pengawasan polis selama 1 hingga 3 tahun selepas tamat hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah.

Langkah-Langkah Khas untuk Saksi Rentan dalam Sistem Keadilan Jenayah

No	Langkah-Langkah Khas	Undang-Undang
1	a) Perintah Perlindungan b) Semua langkah perlindungan lain yang perlu diambil oleh pegawai penguat kuasa	Akta Keganasan Rumah Tangga 1994
2	Syarat Ikat Jamin: tertuduh tidak boleh mengugut/mendekati mangsa/saksi pendakwaan	Seksyen 388 dan 389 Kanun Prosedur Jenayah
3	Kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan	Akta Kanak-Kanak 2001
4	Perlindungan terhadap liabiliti bagi individu yang membantu/memberi maklumat bagi pihak kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan	Seksyen 26, 27, 28, 29, 29A dan 116 Akta Kanak-Kanak 2001
5	Prosiding secara tertutup/sekatan media	Seksyen 101 Akta Mahkamah Rendah 1948
6	Perlindungan bagi privasi/keselamatan saksi	Seksyen 265A Kanun Prosedur Jenayah
7	a) Penggunaan skrin/pautan langsung/rakaman video b) Saksi kanak-kanak memberi keterangan melalui pendengaran khas c) Mahkamah akan melarang soalan yang tidak wajar kepada saksi kanak-kanak d) Pemeriksaan melalui perantara; Tertuduh tanpa wakil dihalang daripada menyoal saksi kanak-kanak secara langsung e) Orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak f) Pengecualian pakaian formal g) Peruntukan untuk kanak-kanak kurang upaya h) Sekatan laporan media/perlindungan identiti kanak-kanak i) Rakaman video terdahulu saksi kanak-kanak j) Pendengaran khas k) Larangan soalan tidak wajar	Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

8	Keterangan menerusi video/rangkaian televisyen secara langsung untuk orang dewasa	Seksyen 272B Kanun Prosedur Jenayah
9	Pernyataan Impak Mangsa	Seksyen 183A Kanun Prosedur Jenayah
10	Hak untuk status siasatan (Pengadu)	Seksyen 107A Kanun Prosedur Jenayah
11	Mengugut saksi	Seksyen 5 Akta Melarikan Orang & Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947
12	Gangguan seksual dalam talian	Akta Komunikasi & Multimedia 1998

Pernyataan Impak Mangsa

Pernyataan ini merupakan penerangan mangsa tentang penderitaan dan trauma yang dialami oleh dirinya dan/atau keluarganya berikutan jenayah yang berlaku. Kenyataan yang diberikan di mahkamah boleh diberikan secara lisan atau bertulis, sama ada oleh mangsa sendiri, melalui wakil keluarga mangsa atau TPR. Pernyataan ini diberikan selepas tertuduh didapati bersalah dan sebelum hukuman ditetapkan oleh mahkamah.

Rajah di bawah boleh dijadikan panduan semasa menyediakan Pernyataan Impak Mangsa. Ia menunjukkan beberapa kesan jenayah yang lazim dialami oleh mangsa dan/atau keluarganya.




Jenis-Jenis Mahkamah

Apa itu Mahkamah?

Mahkamah adalah tempat di mana perbicaraan kes-kes sivil atau jenayah diadakan. Biasanya perbicaraan dijalankan di mahkamah yang terletak di daerah di mana laporan polis dibuat atau kejadian dilaporkan berlaku.

Rajah 3: Struktur Mahkamah di Malaysia



Rajah 3 menunjukkan struktur mahkamah di Malaysia. Peringkat atau jenis mahkamah yang ditetapkan untuk mendengar perbicaraan kes adalah bergantung kepada jenis kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan.

Mahkamah Rendah

Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa mendengar semua jenis jenayah yang tidak membawa hukuman mati, iaitu merangkumi semua jenis hukuman termasuk penjara seumur hidup. Perbuatan jenayah seperti mencabul, merogol, meliwat dan keganasan rumah tangga biasanya dibicarakan di Mahkamah Sesyen.

Mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa mendengar kesemua kesalahan jenayah di mana hukumannya tidak melebihi 10 tahun penjara, ataupun hanya denda yang dikenakan. Contohnya, kes cabul dan keganasan rumah tangga biasanya didengar di Mahkamah Majistret.

Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (sebelum ini dikenali sebagai Mahkamah Juvana) adalah mahkamah khas untuk mendengar kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak kecuali jenayah yang boleh dihukum mati. Mahkamah ini terdiri daripada seorang Majistret dan dua orang penasihat.

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ditubuhkan pada 2017 di Putrajaya untuk mempercepatkan tempoh pelupusan kes mahkamah yang melibatkan jenayah seksual kanak-kanak.

Mahkamah Atasan

Rayuan pertama terhadap keputusan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret adalah di Mahkamah Tinggi dan rayuan terakhir di Mahkamah Rayuan. Manakala rayuan pertama bagi keputusan Mahkamah Tinggi adalah di Mahkamah Rayuan dan rayuan terakhir di Mahkamah Persekutuan.

Perbezaan di antara Kes Jenayah dan Kes Sivil

Kes Jenayah

Perbuatan jenayah seperti mencuri, merogol, merompak, mencabul, membunuh dan sebagainya dianggap sebagai jenayah terhadap mangsa dan masyarakat secara amnya. Bagi memastikan keselamatan masyarakat, pihak polis akan menyiasat jenayah tersebut agar suspek boleh dituduh di mahkamah. Matlamat dalam kes jenayah adalah untuk kerajaan menghukum mereka yang melakukan kesalahan dan menghalang orang lain daripada melakukan perkara yang sama.

Seorang yang didakwa dengan jenayah dikenali sebagai tertuduh. Beliau boleh membela dirinya di mahkamah atau melantik seorang peguam untuk mewakilinya.

Mangsa jenayah (yang juga sering menjadi pengadu) adalah seorang saksi dalam proses mahkamah. Pegawai undang-undang kerajaan yang dikenali sebagai Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bertanggungjawab untuk membuktikan bahawa tertuduh melakukan jenayah tersebut, serta memohon hukuman yang sesuai dengan tahap keseriusan jenayah dan kesannya terhadap mangsa dan masyarakat.

Mangsa juga boleh melantik seorang peguam swasta sebagai peguam pemerhati atau seorang pendamping guaman untuk membantu beliau melalui proses mahkamah.

Tahap pembuktian dalam kes jenayah adalah sangat ketat. Bukti yang dikemukakan mesti menunjukkan tanpa keraguan yang munasabah bahawa tertuduh bersalah. Jika didapati bersalah, jenis hukuman yang mungkin diperintahkan oleh mahkamah terhadap tertuduh termasuk penjara, sebat, pembayaran denda, perintah untuk mengawasi tingkah lakunya di masa hadapan, dan/atau kaunseling untuk rehabilitasi.

Mangsa dan/atau keluarganya boleh dan harus ditanya mengenai impak jenayah terhadap kehidupan mereka untuk menentukan hukuman. Undang-undang memperuntukkan bahawa TPR boleh memohon pampasan dalam bentuk wang yang setimpal dengan kecederaan dan penderitaan yang dialami oleh mangsa dan keluarganya akibat jenayah tersebut.

Kes Sivil

Kes sivil dimulakan apabila satu pihak (dinamakan sebagai plaintif) memfailkan saman di mahkamah terhadap pihak yang lain (dinamakan sebagai defendan) atas perbuatan atau kegagalan oleh pihak defendan, yang dikatakan telah menyebabkan kerugian atau penderitaan kepada pihak plaintif. Biasanya, tujuan saman atau tuntutan sivil adalah untuk mendapatkan gantirugi atau pelaksanaan perintah atas perbuatan atau kerugian yang dikatakan telah berlaku.

Kes sivil boleh difailkan oleh atau terhadap mana-mana individu, syarikat, organisasi atau agensi kerajaan.

Kedua-dua pihak dalam kes sivil boleh berhujah kes tersebut dengan sendiri atau melalui peguam swasta mereka, mengenai sama ada kesalahan atau kerosakan itu berlaku, siapa yang menyebabkannya, dan seberapa serius kerugian atau kerosakan yang dialami.

Tahap pembuktian dalam kes sivil adalah lebih rendah berbanding dengan kes jenayah, iaitu bukti yang dikemukakan mesti menunjukkan bahawa, atasimbangan kebarangkalian, kerosakan atau penderitaan berlaku seperti yang didakwa oleh pengadu.

Mahkamah sivil boleh mengarahkan supaya pampasan dibayar oleh defendan kepada plaintif jika plaintif dapat membuktikan kesnya, atau mahkamah boleh membuat perintah lain seperti yang dipohon oleh plaintif bergantung kepada fakta kes tersebut.

Nombor Telefon Berguna untuk Dihubungi

POLIS PULAU PINANG

Talian 24 Jam/Bilik Gerakan	04 - 269 1999 / 012 - 490 0999
Ibu Pejabat Kontinjen Pulau Pinang (IPK)	04 - 222 1522
Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (Georgetown)	04 - 218 1822
Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya (Balik Pulau)	04 - 866 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara (Kepala Batas)	04 - 576 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah (Bukit Mertajam)	04 - 538 2222
Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan (Jawi)	04 - 582 4222

UNIT PENDAKWAAN PULAU PINANG

Unit Pendakwaan Negeri – Ibu Pejabat	04 - 227 5944
--------------------------------------	---------------

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

Talian Nur	15999 / 019 - 2615999
Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang	04 - 650 5259
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut	04 - 226 4531
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya	04 - 866 8442
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara	04 - 575 8715
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah	04 - 538 2584
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan	04 - 582 1798

Lokasi Mahkamah Di Pulau Pinang

1. Mahkamah Sesyen dan Majistret Jenayah Pulau Pinang

Bangunan Sri Pinang,
Lebuh Light, 10200
Georgetown, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 251 4310

2. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Lebuh Light, 10200
Georgetown, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 251 4000
Laluan Bas: Jeti - Mahkamah
No. Bas Rapid Penang: 104, 204, 502,
dan CAT

3. Mahkamah Sesyen dan Majistret Balik Pulau

Jalan Balik Pulau,
11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 869 1610 / 869 1612
Laluan Bas: Komtar-Balik Pulau Bus Terminal
No. Bas Rapid Penang: 401E, 502

4. Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret Butterworth


Jalan Bagan Jermal,
12300 Butterworth, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 310 6200
Laluan Bas: Butterworth (Jeti)
- Kepala Batas
No. Bas Rapid Penang: 601, 603, dan 613

5. Mahkamah Majistret Bukit Mertajam

Jalan Betik, Sg Rembai,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 530 4285 / 538 2205
No. Bas Rapid Penang: 707


6. Mahkamah Majistret Jawi

Jalan Serindit, 14200 Sungai Jawi,
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
Tel : 04 - 583 1300
No. Bas Rapid Penang: 801 dan 802



Pusat Kesedaran Wanita (Women's Centre for Change) adalah sebuah organisasi bukan berkeuntungan ditubuhkan sejak 1985 untuk membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, memperkasakan mereka serta mempertingkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial. WCC menyediakan kaunseling dan merujuk tempat perlindungan sementara bagi wanita dan kanak-kanaknya yang menghadapi krisis, tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang sosial mereka. WCC turut memberi sokongan emosi dan sokongan di mahkamah terutamanya kepada mangsa keganasan rumah tangga dan jenayah seksual. WCC merupakan sebahagian daripada gabungan organisasi wanita iaitu *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)* yang memperjuangkan undangundang dan polisi yang berkesan untuk wanita dan kanak-kanak.

DERMA



241, Jalan Burma,
10350 Pulau Pinang, Malaysia
☎ +604-228 0342
☎ +6011-3108 4001
✉ wcc@wccpenang.org



13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Penang, Malaysia
☎ +604-398 8340
☎ +6016-439 0698
✉ ppw@wccpenang.org



www.wccpenang.org

ISBN 978-967-16908-8-8

